

TEKS UCAPAN

Y.BHG. BRIG. JEN. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UNIMAP)
SEMPENA MAJLIS MAKAN MALAM FESKUM
DI LANGKAWI SEAVIEW HOTEL

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Y.Bhg Encik Mohd Zein Bin Mohd Sahid, Penolong Pengarah
Kanan di bahagian Bimbingan Seni Budaya di Jabatan
Kebudayaan dan Kesenian Negara

Barisan Dif-dif Kehormat,

Y. Bhg Prof. Madya Dr. Salmah Bt. Hj. Ayob. Pengarah
Kebudayaan Universiti Malaysia Perlis.

Y. Bhg Encik Razli Ahmad, Dekan Hal Ehwal pelajar dan
Alumni, Universiti Malaysia Perlis.

Pegawai-Pegawai MAKUM dari seluruh IPTA di Malaysia
seterusnya hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan
Salam Sejahtera.

Alhamdulillah saya memanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan izin dan rahmat Nya dapat kita berkumpul bersama di dalam majlis Makan Malam FESKUM pada malam ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kedatangan Encik Mohd Zein Bin Mohd Sahid, Penolong Pengarah Kanan di bahagian Bimbingan Seni Budaya di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, dif-dif kehormat, para peserta bengkel yang hadir di majlis pada malam ini.

Tidak ketinggalan, sekalung ucapan Syabas dan tahniah kepada ahli jawatankuasa atas usaha gigih serta inisiatif mereka yang bertungkus-lumus dalam mencanai idea, menyusun rencana dalam melangsungkan program ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program yang sudah pasti memberikan banyak manfaat kepada kita semua. Tanpa sokongan yang padu dari anda semua, mustahil apa yang dirancang ini mampu membuahkan hasilnya.

Sesungguhnya, saya amat berharap sokongan dan semangat untuk terus gigih bekerja dan berusaha dengan cemerlang dapat dijana malah dipertingkatkan pada sesi 2009/10 ini.

Kita juga bersyukur ke hadrat ilahi kerana Majlis Makan Malam FESKUM dapat dilaksanakan di Langkawi Seaview Hotel ini dalam suasana aman dan damai. Oleh itu, saya berharap kepada semua pegawai MAKUM agar dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan lebih bersemangat dan komited.

Hadirin dan hadirat sekalian

Bengkel seumpama ini diadakan adalah membantu di antara satu sama lain terutamanya para pegawai MAKUM untuk mengendalikan program-program kebudayaan dan kesenian secara sistematik.

Sesungguhnya menerusi seni dan budaya, masyarakat diseru dan diajak untuk menanamkan perasaan dan semangat bahawa setiap daripada kita perlu bersatu dan berusaha membangunkan negara bersama-sama.

Dengan memperbanyakkan aktiviti-aktiviti kesenian dan kebudayaan pelbagai kaum maka kita akan dapat

meningkatkan kesedaran akan kepentingan budaya-budaya yang wujud di negara ini.

Hadirin dan Hadirat sekalian

- Seni dan budaya merupakan elemen yang penting seiring dengan sektor ekonomi dan politik dalam pembangunan sesebuah negara yang terdiri daripada pelbagai kaum dan etnik. Seperti mana yang pernah diperkatakan oleh Y.B. Dato' Seri Hj. Mohd. Shafie B. Hj. Apdal (Menteri Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia), dalam usaha mempertingkatkan seni dan budaya, kita perlu berpegang kepada strategi utama ini iaitu:
- Mempelbagai dan menyemarakkan aktiviti seni dan budaya dengan menggunakan pendekatan yang berbeza.
- Meningkatkan pemasaran dan perkongsian pintar di dalam dan luar negara.
- Meningkatkan penggunaan sistem teknologi, komunikasi dan maklumat menerusi merekod, menyalin dan mendokumentasi pelbagai seni dan budaya secara digital.
- Memantapkan penyelidikan dan pembangunan serta Meningkatkan pembangunan modal insan menerusi

program dan latihan seni budaya kepada golongan muda.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Saya yakin dan percaya, apa yang sedang MAKUM laksanakan ketika ini nyata seiring dengan hasrat kerajaan yang mana tugas dan tanggungjawab untuk mengekalkan dan melestarikan seni budaya ini harus dipikul oleh generasi muda kini dalam memastikan ianya akan disampaikan kepada generasi seterusnya.

Tanggungjawab ini bukanlah mudah tanpa usaha dan sokongan dari kerajaan. Oleh itu, Kita juga perlu berusaha bersungguh-sungguh untuk mengendalikan program-program seni budaya dan bertindak secara responsif dalam melakukan setiap tugas. Dalam hal ini adalah tidak salah sekiranya kita saling tegur menegur dan memberikan pendapat bagi faedah bersama.

Seperti kata pepatah, bulat air kerana pembentung , bulat manusia kerana muafakat.

Sebelum mengakhiri ucapan pada malam ini, saya bagi pihak Majlis Kebudayaan Universiti-universiti Malaysia (MAKUM), ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Encik Mohd Zein Bin Mohd Sahid, Penolong Pengarah Kanan di bahagian

Bimbingan Seni Budaya di Jabatan Kebudayaan dan Kesenian
Negara kerana telah sudi hadir pada malam ini.

Ribuan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat
menjayakan program kami ini.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.